

30/07/1997

Perkongsian pintar terus jadi keutamaan

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

JIKA George Soros, tokoh kewangan Amerika Syarikat yang mencetuskan masalah kepada beberapa negara Asean dengan serangan spekulatif mata wang, hadir dan melihat suasana di Berjaya Langkawi Beach & Spa Resort, tempat berlangsung Dialog Antarabangsa Langkawi 1997 (LID'97), mungkin dia akan mengakui perbuatannya itu boleh meruntuhkan sesebuah negara.

Mengapa tidak. Suasana di sini begitu selesa dengan semua pihak yang terbabit dalam dialog ini saling bekerjasama dengan satu matlamat, iaitu untuk mencapai kesejahteraan dan kemakmuran sejagat.

Perkongsian pintar yang menjadi tema LID sejak kali pertama dianjurkan pada 1995 terus menjadi konsep dan keutamaan yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak jika mahu melihat kemakmuran dunia.

Walaupun ramai ketua kerajaan dan pemimpin negara asing berada di sini, kawalan keselamatan tidak terlalu ketat dengan wartawan serta jurugambar bebas mengadakan temubual atau merakam gambar tanpa banyak masalah.

Sesuai dengan konsep perkongsian pintar, semuanya mahu dikongsi bersama. Bukan setakat berkongsi pengalaman dan idea antara kerajaan dengan kerajaan, malah sesama syarikat antarabangsa, seperti British Aerospace dan Boeing Commercial Airplane Group.

Kalangan kakitangan media serta urusetia dialog juga menjalin kerjasama dan berkongsi antara satu sama lain dengan bersedia bertukar bahan berita.

Suasana ini sudah cukup menggambarkan bahawa amalan perkongsian dan kerjasama dalam pelbagai bidang, terutama ekonomi dan politik perlu menjadi keutamaan semua pihak jika mahu melihat dunia yang lebih adil dan saksama.

Perkongsian pintar juga sebenarnya boleh dilaksanakan pada semua peringkat daripada perkara yang kecil seperti usahawan atau peniaga kecil sehingga kepada yang besar seperti kerjasama politik dan ekonomi antara negara.

Dalam ucapan perasmianya, malam kelmarin, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir turut memaklumkan kepada peserta bahawa perkongsian pintar yang menjadi amalan kerajaan Barisan Nasional (BN) dengan memberi pengagihan adil dan saksama adalah teras kepada kestabilan dan pertumbuhan pesat ekonomi Malaysia.

Dan ia diakui oleh semua pemimpin kerajaan negara sedang membangun dan peserta dialog sehingga mahu menjadikan kaedah di Malaysia sebagai model untuk dilaksanakan di negara mereka.

Justeru, jika Soros turut sama dalam dialog ini, pasti dia dapat melihat kesungguhan pelbagai pihak untuk menjalin kerjasama dan berkongsi kemakmuran demi masa depan yang lebih cemerlang dan menghentikan perbuatan jahatnya itu.

Soros yang dianggap 'penyangak' oleh Dr Mahathir juga harus menyedari bahawa untuk kesejahteraan sejagat, isu remeh-temeh seperti kempennya membantah kemasukan Myanmar ke dalam Asean dengan menyerang mata wang negara anggota Asean perlu ditangani menerusi saluran lain.

Paling penting, Soros serta beberapa negara kuasa besar dunia perlu sedar bahawa kerjasama dan perkongsian adalah teras menuju masa depan yang lebih adil dan cemerlang serta kemakmuran dunia.

(END)